



NOTIS PEMAKLUMAN

PELAKSANAAN SISTEM TEMUJANJI SEPANJANG TEMPOH PKP 3.0 BERKUATKUASA 17 MEI 2021 (ISNIN) DI SELURUH MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SEMBILAN

Pelanggan yang dihargai,

Ambil maklum bahawa sebarang **URUSAN KEHADIRAN DI KAUNTER** seluruh Mahkamah Syariah Negeri Sembilan hendaklah melalui **Sistem Temujanji (Sistem eDATE)** terlebih dahulu berkuatkuasa **17 Mei 2021 (Isnin)**.

Tempahan melalui sistem ini adalah berdasarkan yang cepat didahulukan (first come first serve). Slot yang disediakan adalah terhad. Sekiranya tarikh dan slot masa yang dipilih telah penuh, sila buat pilihan lain.

Pelaksanaan ini adalah bagi mengawal kehadiran pelanggan dalam membendung menularan wabak COVID-19 selaras dengan arahan kerajaan.

Sila layari pautan <https://www.picktime.com/jksns> dan patuhi arahan berikut:

1. Sila pastikan tuan/puan menerima e-mel pengesahan untuk ditunjukkan kepada petugas kaunter saringan/perkhidmatan bagi kebenaran masuk untuk berurusan.
2. Sila pastikan tuan/puan hadir tepat pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
3. Sila pastikan semua dokumen telah LENGKAP sebelum hadir untuk berurusan di kaunter Mahkamah.
4. Pihak Mahkamah boleh membatalkan/menjadualkan semula sesi temujanji jika perkara 1 - 3 di atas tidak dipatuhi atau terdapat perubahan arahan dari semasa ke semasa.
5. Sistem temujanji ini boleh dibuat untuk pendaftaran kes bagi Mahkamah Syariah Daerah di seluruh Negeri Sembilan.
6. Pemohon adalah bertanggungjawab ke atas kesahihah maklumat yang diberikan melalui sistem.

Bagi urusan **PERBICARAAN dan SEBUTAN KES SEDIA ADA** akan mengalami **penjadualan semula** dan pelanggan akan dihubungi oleh pihak mahkamah syariah atau layari **pautan <http://bit.ly/semakankes>** dari masa ke semasa bagi mendapatkan tarikh baharu perbicaraan/sebutan kes.

Kerjasama semua dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Terima kasih.

Arahan:

Ketua Pendaftar, Mahkamah Syariah Negeri Sembilan